

UMP anjur Seminar Pengubatan Islam Khamis ini

Um CDalam Negeri) 6/10/14 (Isnin)
m/s 21



DR. Mahyuddin Ismail menunjukkan produk hasil kajiannya yang digunakan untuk merawat pesakit di Kuantan, semalam.

KUANTAN 5 Okt. - Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan mengadakan Seminar Pengubatan Islam anjuran Pusat Islam dan Pembangunan Insan (Pimpin) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni bersempena Karnival Expokonvo 2014, Khamis ini.

Pengarah Pimpin, Dr. Mahyuddin Ismail berkata, Seminar Pengubatan Islam itu akan bermula pada pukul 8.30 pagi di Dewan Tun Fatimah, UMP kampus Gambang di sini sebagai pengisian sempena Karnival berkenaan yang berlangsung 8 hingga 12 Oktober ini.

"Orang ramai harus mengambil peluang untuk mempelajari ilmu pengubatan Islam kerana pada masyarakat hari ini ramai yang terkecuali dengan sesetengah individu yang mengambil kesempatan menjadikan rawatan alternatif sebagai 'lubuk emas' dengan menjalankan rawatan atas nama pusat rawatan Islam."

"Pendedahan pengubatan Islam ini akan dapat meningkatkan kefahaman masyarakat agar mereka tidak tertipu dengan sesetengah

pihak yang mernakai gelaran seperti perawat Islam, ustaz, kiyai, tabib atau apa-apa nama yang berunsur Islam namun menggunakan kaedah yang jelas bertentangan dengan ajaran Islam," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Dr. Mahyuddin berpengalaman sebagai ketua fasilitator dalam Bengkel Sihir Pendakwaan dan Pembuktian kes di Mahkamah merujuk bab 208, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 bagi pegawai-pegawai mahkamah syariah di Brunei.

Selain itu, beliau merupakan pengerusi panel penilai Agensi Kelehayakan Malaysia (MQA) bagi Program Diploma Pengubatan Islam dan dilantik sebagai pengurus bersama Jawatankuasa Mengkaji Pengubatan Undang-undang Jenayah Sihir Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jikim).

Menurut beliau, orang Islam khususnya mengambil peluang menyertai seminar tersebut agar dapat berkongsi pengalaman di samping meningkatkan kefahaman mengenai ilmu pengubatan Islam yang sebenar.

Sementara itu, pelbagai program akan dijalankan sempena Majlis Konvokesyen ke-9 UMP yang akan diadakan pada 11 dan 12 Oktober ini di Kompleks Sukan UMP.

Di antaranya pengajaran Ceramah Kesihatan bersama Chef Zamir (Juara Master Chef Malaysia All Stars), Pertandingan Memasak Makanan Mudah dan Sihat, Seminar Transformasi Usahawan Muda, Kembara Bermotor UMP Rider Club (URC), Lets Fun With 'Kampung Dakwah' dan Ladies Moment: Cintiknya Dirima Wahai Muslimah Solehah, Pertandingan Inovasi 3R (Reuse/Recycle/Reduce) dan Festa Buah-buahan Tempatan.

Turut diadakan ialah Forum Save Gaza "Together We Care" bersama Ustaz Badli Shah Alaudin dan Zulkifli Wahijan, Kursus Pra Perkahwinan 'Bercinta Lepas Nikah', Pertandingan Tamasya 'Mahabbah Night' dan pertandingan mewarna serta peragaan pakaian kanak-kanak sepanjang Karnival berlangsung.